



TERMA & SYARAT KAD KREDIT HONG LEONG ESSENTIAL

Dikemas Kini pada 14 Februari 2022

Terma dan syarat di bawah ini hendaklah dibaca bersama-sama dengan Perjanjian Pemegang Kad Hong Leong Bank Berhad (“HLB”) (“Perjanjian”). Selain daripada perubahan seperti tertera di bawah ini, semua terma dan syarat Perjanjian hendaklah diguna pakai. Sekiranya terdapat sebarang percanggahan antara terma dan syarat Perjanjian dengan terma-terma Kad Kredit Hong Leong Essential (“T&S Kad Essential”), maka terma-terma dalam T&S Kad Essential hendaklah diutamakan setakat mana terma-terma itu terpakai kepada Kad Essential.

1. Pulangan Tunai

Kad Hong Leong Essential (“Kad Essential”) memperoleh sehingga 1% Pulangan Tunai atas semua Transaksi Runcit yang sah (seperti ditakrif di bawah).

- (i) Pulangan Tunai:
 - 0.4% Pulangan Tunai bagi semua transaksi insurans
 - Bagi Transaksi Runcit
 - Tingkat 1 – 0.4% Pulangan Tunai bagi perbelanjaan Ringgit Malaysia Tujuh Ribu (RM7,000) pertama
 - Tingkat 2 – 1% Pulangan Tunai bagi perbelanjaan seterusnya
- (ii) Jumlah Pulangan Tunai yang layak oleh Pemegang Kad dihadkan pada Ringgit Malaysia Tiga Ratus (RM300) setiap bulan.
- (iii) Transaksi Runcit bermakna pembelian apa-apa barang atau perkhidmatan di dalam negara atau luar negara yang telah dilakukan atau dicaj kepada Kad Essential tetapi TIDAK TERMASUK semua transaksi berkaitan Kerajaan, JomPAY dan/atau pembayaran bil FPX, Pendahuluan Tunai, Kuasi Tunai (transaksi berkaitan pertaruhan dan perjudian); Quick Cash, Quick Cash Fi Sekali, Pelan Bayaran Fleksi, Pindahan Baki, Caj Kewangan , Caj Lewat dan Bayaran Fi Tahunan.
- (iv) Pulangan Tunai akan dikreditkan dan dipaparkan dalam penyata bulanan Pemegang Kad pada setiap kitaran pembilan/tarikh penyata.
- (v) Pulangan Tunai akan dikira pada akhir setiap kitaran pembilan/tarikh penyata. Pulangan Tunai terkumpul akan dikreditkan kepada penyata bulanan Pemegang Kad. Kredit Pulangan Tunai boleh atau akan digunakan untuk menjelaskan apa-apa baki belum lunas yang tertunggak dalam Akaun Kad. Bagi mengelakkan keraguan, apa-apa Pulangan Tunai yang perlu dibayar kepada Pemegang Kad akan dicatatkan dalam Akaun Kad dan dipaparkan dalam Penyata Pemegang Kad bagi bulan berkenaan. Sekiranya Pulangan Tunai yang perlu dibayar kepada Pemegang Kad adalah pada tarikh Penyata Pemegang Kad, maka Pulangan Tunai hanya akan dipaparkan dalam Penyata Pemegang Kad pada bulan berikutnya. Sekiranya Penyata Pemegang Kad adalah pada hari ketiga puluh satu (31) bulan itu, Pulangan Tunai hanya akan dipaparkan dalam Penyata Pemegang Kad setiap dua (2) bulan sekali.
- (vi) HLB berhak dari semasa ke semasa, setelah memberi notis awal, meminda peratusan Pulangan Tunai menurut budi bicaranya.

2. Mata Ganjaran

Kad Essential tidak memberi apa-apa Mata Ganjaran.

3. Perhatian Khas

Kad Essential tidak menawarkan pelan insurans percuma secara automatik.



4. Perubahan Ciri Produk

HLB adalah berhak, dan dari semasa ke semasa, meminda, mengubah atau menukar mana-mana ciri-ciri produk bagi Kad Essential atau menarik balik Kad Essential pada bila-bila masa, setelah memberi notis awal kepada Pemegang Kad dan pindaan tersebut adalah berkuat kuasa pada tarikh yang HLB pilih untuk dilaksanakan. Berikutan itu, HLB boleh terus menghantar kepada Pemegang Kad atau membuat pemakluman dalam media massa atau meletak notis dalam dewan legar HLB atau laman web HLB di www.hlb.com.my atau apa-apa cara yang HLB dapat sesuai berkenaan penambahan, pengubahsuaian atau pemindaan tersebut tentang ciri-ciri produk berkenaan.

5. Di samping terma-terma yang dinyatakan di atas ini, Pemegang Kad bersetuju bahawa terma dan syarat am dalam Perjanjian Pemegang Kad hendaklah dibaca bersama dengan terma dan syarat ini sebagai suatu perjanjian keseluruhan. Sebarang percanggahan antara terma dan syarat ini dengan terma dan syarat am yang terkandung dalam Perjanjian Pmegang Kad, maka terma-terma tertentu di atas hendaklah diutamakan.

6. Tafsiran

- (a) Melainkan konteks menghendaki sebaliknya, perkataan dan ungkapan yang berhuruf besar hendaklah mempunyai pengertian yang sama seperti mana ditakrif dalam Perjanjian kecuali ditakrif secara khusus dalam T&S Kad Essential ini.
- (b) Perkataan yang merujuk jantina lelaki hendaklah termasuk jantina perempuan dan/atau jantina neutral, dan begitu juga sebaliknya.
- (c) Perkataan yang merujuk bilangan tunggal hendaklah termasuk bilangan jamak, dan begitu juga sebaliknya.

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan mengenai terma dan syarat, anda boleh mendapatkan penjelasan daripada kakitangan kami yang membantu anda. Sebagai alternatif, sila e-mel kepada kami di hlonline@hlbb.hongleong.com.my.